

MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF PENGHARGAAN KESETIAAN FRANCAIS AR-RAHNU X'CHANGE



Mohd Fadzil Abdul Ghani menerima plak insentif dari Haji Mohd Jafri Kudus, Pengerusi Rakyat Management Services Sdn Bhd. Bersama beliau adalah Mohamad Azwani bin Asa'd, Ketua Pegawai Eksekutif Rakyat Management Services Sdn Bhd



Semua penerima anugerah bergambar beramai-ramai bersama pengurusan Rakyat Management Services Sdn Bhd.

29 MEI 2024 - Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad telah disenaraikan sebagai penerima Insentif Kesetiaan Francais Ar-Rahnu X'Change.

Kelayakan insentif adalah berdasarkan rekod tempoh operasi rangkaian Ar-Rahnu X'Change. Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad memiliki dua cawangan Ar-Rahnu X'Change, iaitu di Dataran Mentari, Petaling Jaya dan Bandar Seri Putra, Bangi. Cawangan di Dataran Mentari telah beroperasi selama 14 tahun sementara cawangan di Bandar Seri Putra selama 5 tahun di mana masing-masing menerima insentif sebanyak RM7,500 dan RM5,400.

Majlis diadakan di Dewan Tun Abdul Razak, Tingkat 2, Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur. Majlis ini turut dihadiri oleh koperasi-koperasi yang menjalankan Ar-Rahnu di bawah francais Rakyat Management Services Sdn Bhd yang layak menerima insentif berkenaan.

Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad telah diwakili oleh Mohd Fadzil Abdul Ghani, Pengerusi Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad dan Cik Ainin Sofea Abdul Basid, Ketua Unit Ar-Rahnu X'Change Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad.

Majlis telah dirasmikan oleh Haji Mohd Jafri Kudus, Pengerusi Rakyat Management Services Sdn Bhd.

Tahniah kepada Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad!

#KOOPNSTP

#MAJUKOPERASIANGGOTABAHAAGIA